



**KEMENTERIAN PERUMAHAN  
DAN KERAJAAN TEMPATAN**  
Unit Komunikasi Korporat  
Aras 2, No. 51, Persiaran Perdana  
Presint 4, 62100 PUTRAJAYA  
MALAYSIA

Tel : 03 8891 5564  
Faks : 03 8891 5557  
Laman Web : [www.kpkt.gov.my](http://www.kpkt.gov.my)  
Email : [media.ukk@kpkt.gov.my](mailto:media.ukk@kpkt.gov.my)  
Twitter : @kpkt\_gov  
Facebook/ : KPKT Malaysia

---

Rujukan kami : KPKT/BPK/19/7/4 Klt.46 (49)  
Tarikh : 3 Ogos 2021

## **SIARAN MEDIA**

---

### **MAJLIS PELANCARAN DASAR KEBUN KOMUNITI BANDAR (DKKB)**

---

**PUTRAJAYA, 3 OGOS 2021** – Dasar Kebun Komuniti Bandar (DKKB) telah dilancarkan hari ini oleh Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan. Majlis pelancaran telah disempurnakan oleh Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, YB Datuk Hajah Zuraida binti Kamaruddin secara live streaming pada jam 10.00 pagi. Dasar ini diperkenalkan bagi memperkasa komuniti bandar untuk mengoptimumkan penggunaan tanah dan ruang persekitaran dengan melakukan aktiviti perkebunan. Sasaran DKKB ialah 1 PPR, 1 Kebun Komuniti.

DKKB telah diluluskan oleh Jemaah Menteri pada 5 Mei 2021. Falsafah dasar ini adalah untuk membangunkan kebun-kebun komuniti secara tersusun, sistematik, organik dan mampan di kawasan-kawasan bandar. Ianya diperkenalkan selari dengan peranan KPKT sebagai peneraju kemakmuran komuniti bandar dan persekitaran mampan. Namun, DKKB adalah relevan untuk digunapakai bukan hanya di kalangan komuniti bandar tetapi juga oleh orang ramai yang berminat melaksanakan aktiviti perkebunan samada secara berkelompok mahupun perseorangan di seluruh negara. DKKB telah dibangunkan berserta dengan garis panduan yang komprehensif dari aspek mengurus, merancang, mereka bentuk, membangun dan melaksanakan kebun komuniti secara teratur mengikut peraturan dan prosedur sedia ada.

Sejak 1997, KPKT telah menggerakkan program Kebun Komuniti menerusi Program Semai Indah. Seterusnya pada tahun 2008, Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) melalui Pekeliling Ketua Setiausaha KPKT Bilangan 5 Tahun 2008 telah melaksanakan program “Tanam, Ternak dan Makan Sendiri.” Rakan Taman pula telah diperkenalkan pada tahun 2013 bagi menggalakkan komuniti bercucuk tanam di kawasan

perumahan. Pada November 2018, KPKT telah menggubal Dasar Komuniti Negara. Dasar ini memberi fokus kepada usaha mendaya upayakan komuniti terutamanya yang mendiami kawasan perumahan berstrata di bandar. Di bawah Dasar Komuniti Negara, inisiatif Kebun Komuniti ini giat dilaksanakan dengan penglibatan penduduk tempatan menerusi Pejabat Sekretariat Muafakat Komuniti (PSMK). Sehingga kini, sebanyak 14 PPR mempunyai Kebun Komuniti dan berjaya menghasilkan tuaian sayur-sayuran yang terdiri daripada tanaman terung, kangkung, bayam, cili, kubis, kailan dan sawi.

Pada Jun 2020, YBM KPKT telah mencadangkan agar satu garis panduan berkenaan Kebun Bandar diwujudkan menerusi Mesyuarat Pasca Kabinet KPKT Bil. 9/2020 bertarikh 4 Jun 2020. Penggubalan DKKB ini telah melibatkan jalinan kerjasama dengan organisasi kerajaan dan bukan kerajaan yang relevan. Antara rakan strategik tersebut adalah Kementerian Pertanian dan Industri Makanan, Jabatan Pertanian, *Natural Farming Association*, *Seeds Malaysia*, Koperasi Kebun Selangor, Yayasan Hijau Malaysia, Persatuan Lestari Alam dan Pihak Berkuasa Tempatan.

KPKT juga merencana Program Kebun Komuniti sebagai amalan perkebunan berhemah dalam bandar untuk memastikan rakyat dapat meraih hasil makanan yang segar, bebas kimia dan berkualiti untuk keperluan harian di samping menjana sumber pendapatan alternatif. Selain itu, ia juga menggalakkan kepada penyediaan sumber bahan makanan tersedia (*from farm to table*).

Dasar ini turut dilihat sebagai serampang dua mata yang dapat menangani cabaran baharu berikutan kepesatan pembangunan dan penularan wabak COVID-19. Di samping itu, ia juga turut mendokong komitmen Malaysia memenuhi keperluan *Sustainable Development Goals (SDGs)* 2030 dengan mengintegrasikan elemen pembangunan ekonomi, perkembangan sosial dan pemuliharaan alam sekitar. Aspirasi DKKB adalah sebagai panduan kepada komuniti bandar untuk membangunkan kawasan lapang di sekitar kawasan perumahan dengan aktiviti perkebunan yang bukan sahaja boleh memberi manfaat kepada komuniti setempat malah menyumbang kepada pembangunan yang lestari bagi mendepani pelbagai cabaran perbandaran pada masa kini.

Pelaksanaan DKKB ini diharap dapat menyemarakkan aktiviti perkebunan di seluruh negara, di samping menyumbang kepada persekitaran landskap bandar yang indah, bersih, selamat dan mampan di kawasan-kawasan bandar.

Untuk mengakses dokumen DKKB, sila layari laman sesawang rasmi KPKT di <https://www.kpkt.gov.my/>.

**-TAMAT-**

---

*Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) yang diterajui oleh YB Datuk Hajah Zuraida Kamaruddin selaku Menteri terdiri daripada lapan Jabatan/agensi kerajaan iaitu 1. Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia, 2. Jabatan Perumahan Negara, 3. Jabatan Kerajaan Tempatan, 4. Jabatan Pengurusan Sisa Pepejal Negara, 5. PlanMalaysia, 6. Jabatan Lanskap Negara, 7. Tribunal Perumahan dan Pengurusan Strata dan 8. Institut Latihan Perumahan dan Kerajaan Tempatan. Agensi lain di bawah KPKT ialah Solid Waste Corporation Malaysia (SWCorp), Urbanice Malaysia, Syarikat Perumahan Negara Berhad (SPNB) dan Perbadanan PRIMA Malaysia.*

*Dikeluarkan Oleh : Unit Komunikasi Korporat  
b.p. Ketua Setiausaha  
Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan  
Telefon : 03-8891 5555 | Faks : 03-8891 5557 | E-mel : [media.ukk@kpkt.gov.my](mailto:media.ukk@kpkt.gov.my)*